

# APAD, MDEC main peranan kawal selia sektor p-hailing

Tiada keperluan tubuhkan SEGiM

Oleh NURUL HUDA HUSAIN  
SHAH ALAM

Kerajaan tidak perlu meneruskan cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM) bagi mengawal selia aktiviti sektor itu.

Menyifatkan SEGiM tidak sesuai buat masa ini, Penasihat Persatuan Perpaduan Rakan Penghantar Malaysia, Bryan Ng Yih Miin sebaliknya meminta kerajaan memberi fokus kepada isu yang membabitkan soal kebijakan golongan penghantar atau 'riders'.

"Saya fikir tidak perlu (tubuhkan SEGiM), tidak ada keperluan mendesak. Kerajaan telah ada kementerian-kementerian dan agensi-agensi untuk memantau sektor ekonomi gig ini seperti APAD (Agensi Pengangkutan Awam Darat) dan MDEC (Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia).

"Lagi pun, SEGiM kalau ditubuhkan ia berkemungkinan menambahkan tanggungan kewangan kerajaan. Mungkin juga akan berlaku pertindihan bidang kuasa dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi sedia ada," katanya kepada *Sinar Harian* pada Kamis.

Bryan berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada 17 Julai lalu mengenai hasrat kerajaan untuk menubuhkan SEGiM bagi menambah baik perlindungan sosial serta kebijakan para penggiat industri berkenaan.

Menurut Ahmad Zahid, cadangan itu telah dinyatakan kepada Kementerian



Kerajaan perlu memberi tumpuan meningkatkan taraf pendidikan dan kemahiran golongan belia daripada terus kekal dalam industri p-hailing.

Sumber Manusia bagi mengemukakan memorandum kepada kabinet untuk kelulusan manakala pengumumannya dijangka dibuat dalam pembentangan Belanjawan 2024.

Ketika ditanya mengenai penetapan kadar lantai dalam perkhidmatan p-hailing, Bryan memaklumkan pihaknya telah mengadakan pertemuan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Putrajaya pada Selasa serta mengadakan perbincangan lanjut mengenainya bersama 24 syarikat penyedia perkhidmatan p-hailing.

"Daripada perbincangan tersebut, Perdana Menteri (Anwar) telah meminta syarikat p-hailing meneliti semua struktur kadar lantai perkhidmatan yang sedia ada," jelasnya.

Katanya, tuntuan 'riders' untuk menaikkan kadar harga lantai tidak terlalu tinggi sehingga membebankan pengguna atau menyusahkan syarikat-syarikat pengendali p-hailing.

"Kenaikan kadar lantai itu mungkin dalam RM5 bagi jarak empat kilometer (km). Jika jarak penghantaran itu dekat dengan pengguna, mungkin kadar itu kurang sedikit," ujarnya.

Tambahnya Bryan lagi, kadar lantai yang ditutut oleh 'riders' adalah munasabah dan tidak membebankan pengguna manakala syarikat-syarikat pengendali p-hailing juga perlu telus dengan menyediakan 'interface' (antara muka) mudah alih supaya 'riders' tahu jarak dan harga penghantaran.

## SEGiM dan masa depan golongan belia

Dalam perkembangan lain, bekas Ketua Bahagian Polisi dan Perancangan, Kumpulan Operasi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Wan Agyl Wan Hassan menyifatkan penubuhan SEGiM perlu diperhalusi supaya tiada pertindihan dalam bidang kuasa kementerian-kementerian sedia ada seperti Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengangkutan.

"Sebenarnya banyak isu-isu membabitkan kebijakan dan keselamatan golongan 'riders' ini boleh di selesaikan melalui kementerian-kementerian berkaitan. Cumanya perlu ada penambahbaikan prosedur serta perundangan yang sedia ada supaya selari dengan keperluan industri."



BRYAN NG

melalui kementerian-kementerian berkaitan. Cumanya perlu ada penambahbaikan prosedur serta perundangan yang sedia ada supaya selari dengan keperluan industri," ujarnya.

Tambah Wan Agyl, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 17 Februari 2023, seramai 97.71 peratus 'riders' adalah terdiri daripada golongan belia yang mana 39.54 peratus merupakan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV).

"Seharusnya kerajaan mencari jalan untuk meningkatkan taraf golongan belia dengan menggalakkan mereka melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau kemahiran dan tidak terus kekal sebagai 'riders'.

"Memang benar penubuhan SEGiM membolehkan kerajaan memainkan peranan dalam mengawal selia sektor ekonomi gig pada masa depan. Akan tetapi ia akan mengambil masa yang mana kerajaan harus juga memberi fokus untuk memajukan golongan belia"



WAN AGYL

“

Sebenarnya banyak isu-isu membabitkan kebijakan dan keselamatan golongan 'riders' ini boleh di selesaikan melalui kementerian-kementerian berkaitan. Cumanya perlu ada penambahbaikan prosedur serta perundangan yang sedia ada supaya selari dengan keperluan industri."